

PROGRAM KASIH IBU PERLIS (KIP) NCER BANTU MENANGANI KOS SARA HIDUP GOLONGAN RENTAN

Kangar, Perlis 28 Julai 2021 – Kerajaan negeri mengiktiraf peranan ibu sebagai tonggak keluarga dan mengambil langkah membantu seramai 3,600 wanita bersama lebih 21,000 tanggungan dalam kalangan miskin dan miskin tegar melalui program Kasih Ibu Perlis (KIP) bagi mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup isi rumah.

Selari dengan Pelan Pemulihan Negara, Program KIP akan dilaksanakan di negeri Perlis bermula 1 Ogos 2021 oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama kerajaan negeri untuk membantu golongan rentan yang terkesan oleh pandemik COVID-19.

Para peserta Program KIP telah dipilih dan disaring dari sistem eKasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), di mana mereka berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019. Mereka akan menerima bantuan melalui pemberian kad tanpa tunai bernilai RM250 sebulan selama lima (5) bulan untuk pembelian enam belas (16) jenis barangan keperluan asas. Rawatan asas kesihatan asas berjumlah RM500 setahun di klinik panel KIDR. Peruntukan untuk 5 bulan dalam tahun ini adalah RM250 untuk penerima dan tanggungan mereka.

Sebanyak RM5.4 juta telah diperuntukkan bagi Fasa 1 program ini sebagai manfaat penerima Program KIP. Setiap penerima kad tanpa tunai KIP boleh membeli barangan keperluan dari lebih 50 buah kedai runcit* yang dilantik dan mendapatkan rawatan kesihatan dari 15 buah klinik* berdaftar di bawah program ini. Perbelanjaan oleh penerima-penerima KIP di kedai-kedai dan klinik-klinik panel yang dilantik akan memberi kesan limpahan ekonomi dengan menggalakkan perkembangan perniagaan runcit di kawasan tersebut (*lantikan sedang dimuktamadkan).

Menteri Besar Perlis YAB Dato' Seri Azlan Bin Man berkata kerajaan negeri amat peka dan memahami keadaan rakyat yang dibelenggu kos sara hidup yang tinggi ketika berdepan dengan kesan pandemik yang berterusan ini.

“Kerajaan Perlis yakin Program KIP ini dapat membantu melegakan himpitan sara hidup rakyat miskin dan miskin tegar. Tujuannya adalah untuk memastikan tiada keluarga atau masyarakat tersisih dari arus pembangunan di negeri Perlis.”

“Kita bantu dari segi kewangan, dan pada masa yang sama, beri peluang kepada ahli-ahli keluarga terlibat, khususnya belia dan wanita untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran melalui program-program modal insan NCIA seperti empowerNCER dan JomNiaga@NCER untuk menjana pendapatan, sekaligus mampu menyara keluarga. Manakala, anak-anak penerima bantuan Program KIP yang akan menduduki peperiksaan SPM juga layak dipilih untuk menyertai program empowerNCER-Akademik.”

“Pendekatan program ini menggunakan sistem kad pintar tanpa tunai yang disediakan oleh Kiplepay Sdn Bhd di mana pembelian hanya boleh dibuat di kedai-kedai runcit serta klinik swasta yang dilantik. Peserta program modal insan NCER juga diberi keutamaan sebagai kedai panel KIP,” tambah Dato' Seri Azlan lagi semasa Majlis Penyerahan Kad KIP bertempat di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis pagi ini.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata berikutan kejayaan Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) yang telah membantu Rakyat miskin dan miskin tegar di negeri Kedah, NCIA telah memperluaskan program ini ke negeri Perlis.

“Dalam menghadapi landskap ekonomi dunia pasca COVID-19, pihak NCIA mengambil pendekatan serampang tiga mata yang mana salah satu strategi adalah untuk mengutamakan pembangunan modal insan dan komuniti bagi memulihkan kembali ekonomi wilayah ini. Melalui Program KIP, kita yakin bahawa lebih ramai keluarga golongan rentan dapat diperkasa dalam menangani kenaikan kos sara hidup serta menampung perbelanjaan keluarga, terutamanya mereka yang terpinggir,” jelas Datuk Seri Jebasingam.

- TAMAT

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkenaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Datuk Seri Jebasingam Issace John selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

YM Raja Dato' Zamalia Raja Mansur Head, Corporate Communications Unit Email: rajazamilia@ncer.com.my Mobile: + 019 286 2944 DL: + 604-502 0708	En. Ariff bin Ahmad Head, Public Relations and Media Management Corporate Communications Unit Emel: ariffahmad@ncer.com.my Mobile: + 016 328 8944 GL: + 604-502 0708
---	---